

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

**POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
SESI II: 2024/2025**



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (PIS)



HOTLINE 013 - 9991474



pisjhep17@gmail.com

SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU KE POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

SESI II : 2024/2025

Syabas dan tahniah atas kejayaan anda terpilih untuk melanjutkan pengajian ke Politeknik Ibrahim Sultan bagi **Sesi II : 2024/2025**. Bagi pihak warga Politeknik Ibrahim Sultan, kami mengalu-alukan kedatangan anda.

Semua calon pelajar adalah dinasihatkan untuk membaca **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU** dengan teliti bagi memastikan proses pendaftaran dapat diselesaikan dengan lancar. Calon pelajar adalah dikehendaki melengkapkan semua Dokumen Pendaftaran dan dibawa pada hari lapor diri.

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

KM10, JALAN KONG KONG, 81700 PASIR GUDANG, JOHOR

HOTLINE : 011-69506673

EMAIL : webmaster_pis@pis.edu.my

ISI KANDUNGAN

-
- ## **PENGENALAN**
- 1.0
- 1.1 Kenali Politeknik Ibrahim Sultan
 - 1.2 Visi dan Misi
 - 1.3 Carta Organisasi
 - 1.4 Jabatan Akademik, Sokongan Akademik dan Jabatan/Unit Sokongan
-
- ## **PANDUAN YURAN PENDAFTARAN & KOLEJ KEDIAMAN**
- 2.0
- 2.1 Peringatan Penting
 - 2.2 Carta Alir Pendaftaran
 - 2.3 Jadual Yuran Pengajian & Asrama
 - 2.4 Kaedah Bayaran Yuran Pengajian & Asrama
 - 2.5 Jadual Bayaran Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu
 - 2.6 Maklumat Hari Pendaftaran Kolej Kediaman
 - 2.6.1 Keperluan di Kolej Kediaman Pelajar yang perlu dibawa
 - 2.6.2 Kemudahan Tempat Tinggal (Kolej Kediaman)
 - 2.6.3 Peraturan Kolej Kediaman
 - 2.7 Maklumat Hari Serahan Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1-6)
 - 2.7.1 Senarai Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1 - 6)
 - 2.8 Maklumat Program Haluan Siswa (PHS)
 - 2.8 Sahsiah Rupa Diri
 - 2.9 Peraturan di sekitar kampus
-
- ## **MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU**
- 3.0
- 3.1 Pendaftaran Online Menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)
-
- ## **LAMPIRAN BORANG**
- 4.0
- Senarai Semak Dokumen yang perlu dibawa
 - Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1 - 6)
 - Borang Majlis Sukan Politeknik (MSP)
 - Borang Keahlian Koperasi

PENGENALAN

KENALI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN



POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (dahulunya dikenali sebagai Politeknik Johor Bahru) membuka pintunya kepada pelajar pada Feb 1998 di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru sebelum berpindah ke kampus tetapnya pada bulan Jun 1998. Perancangan awal penubuhan Politeknik Ibrahim Sultan bermula pada tahun 1991 dengan usaha untuk mengenalpasti tapak yang sesuai di sekitar kawasan Johor Bahru. Tapak ladang sawit seluas 100 ekar di Lot 1957, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru akhirnya telah dipilih memandangkan keadaan tanah yang sesuai dan lokasinya yang berhampiran dengan kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Politeknik Johor Bahru telah bertukar nama kepada Politeknik Ibrahim Sultan sempena nama DYMM Sultan Johor pada 15 Dis. 2011. Politeknik Ibrahim Sultan ditunjangi oleh 6 jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dan Jabatan Pengajian Am. Politeknik ini menawarkan 2 kursus Sarjana Muda, 16 kursus diploma dan 3 kursus Sijil Khas (Program Pendidikan Ekslusif Pelajar Orang Kurang Upaya)



VISI DAN MISI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

VISI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

MISI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

1. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.
2. Memperkasa komuniti melalui penyelidikan, inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
4. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.
5. Mengungguli bidang kejuruteraan, teknologi rekabentuk dan hospitaliti bercirikan bidang tujuan rekabentuk kreatif.



MOTO POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

PENERAJU ILMU SEJAGAT

DASAR KUALITI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Kecemerlangan Organisasi

Mencapai 100% dalam pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Politeknik Ibrahim Sultan

Kecemerlangan Staf

Memastikan semua staf PIS menghadiri kursus/bengkel/seminar merujuk arahan pekeliling yang ditetapkan dari semasa ke semasa.


Kecemerlangan Akademik

1. Kadar kelulusan bagi setiap program tidak kurang 92% bagi setiap semester.
2. Mencapai sekurang-kurangnya 25% pelajar yang lulus untuk setiap program Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil bagi setiap semester mencapai Purata Nilai Mata (PNM) 3.00 atau lebih.

Kecemerlangan Proses


Memastikan semua prosedur mencapai objektif kualiti dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

CARTA ORGANISASI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN



Tarikh Kemaskini : 15 Oktober 2024

CARTA ORGANISASI JABATAN HAL EHWAL PELAJAR





JABATAN AKADEMIK

JABATAN	NAMA PROGRAM	KOD PROGRAM
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	DEP
	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	DEE
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	DKM
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	DTP
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Bahan)	DMB
	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	DEM
JABATAN REKABENTUK DAN KOMUNIKASI VISUAL	Diploma Reka Bentuk Grafik	DRG
	Diploma Reka Bentuk Fesyen	DRF
	Diploma Rekabentuk Industri	DRI
	Diploma Teknologi Kreatif Digital Animasi	DCI
	Sijil Khas Rekabentuk Grafik	KGF
	Sijil Khas Reka Bentuk Fesyen	KRF
JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI	Diploma Pengurusan Acara	DEV
	Diploma Pengurusan Hotel	DHM
	Diploma Pengurusan Pelancongan	DUP
	Diploma Kulinari	DCY
	Sijil Khas Operasi Katering	KOK



JABATAN & UNIT SOKONGAN AKADEMIK

- JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER
- JABATAN PENGAJIAN AM
- JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
- JABATAN SUKAN, KEBUDAYAAN & KOKURIKULUM
- UNIT PENGANTARABANGSAAN
- UNIT KUALITI
- UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
- UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA
- UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN
- UNIT PEPERIKSAAN
- UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
- UNIT PEMBANGUNAN & SENGGARAAN
- UNIT KEUSAHAWANAN
- UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR
- UNIT KOLEJ KEDIAMAN
- UNIT KHIDMAT PENGURUSAN



PANDUAN YURAN PENDAFTARAN & KOLEJ KEDIAMAN

PERINGATAN PENTING



01. Maklumat anda akan disemak secara terperinci sebelum hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

- i. Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan :
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir (lepasan selain SPM) atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
- ii. Seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

02.

SYARAT KEMASUKAN

- Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi)
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik
- Diploma Seni Kulinari
- Diploma Reka Bentuk Fesyen
- Diploma Reka Bentuk Grafik
- Diploma Reka Bentuk Industri
- Diploma Teknologi Kreatif Digital Animasi

***SYARAT BAGI PROGRAM INI ADALAH CALON TIADA BUTA WARNA**

Sekiranya anda didapati **Buta Warna** setelah membuat **Pemeriksaan Doktor**, hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan dengan **SEGERA**.

03. Pelajar diingatkan untuk **MENCETAK SURAT TAWARAN** di laman web <https://ambilan.mypolycc.edu.my/> untuk simpanan sendiri.



CARTA ALIR PENDAFTARAN

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

MULA

Membuat setuju terima tawaran dan menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) **secara POS** ke Politeknik dalam **tempoh 7 hari**

(Layari portal rasmi : <https://ambilan.mypolycc.edu.my/>)

Muat turun panduan pendaftaran di portal politeknik
<http://www.pis.edu.my/> bermula tarikh **02 DISEMBER 2024**

Membuat bayaran yuran pengajian.
(Rujuk Jadual dan Kaedah Bayaran di dalam Buku Panduan Pendaftaran)

Daftar secara online di portal
<http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> selepas 3 hari
bayaran dilakukan dan cetak salinan **Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)**.

* Pelajar yang mempunyai **tajaan yuran**, tidak perlu membayar yuran dahulu. Tetapi pelajar **perlu menyerahkan surat asal tajaan** kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui emel ke alamat emel biasiswajhep@gmail.com bagi tujuan pengaktifan pendaftaran pelajar.

Melengkapkan Borang **BHEP 1-6**
Kesemua borang ini hendaklah dihantar pada **Hari Serahan Borang BHEP 1-6**.
Pelajar perlu memastikan semua borang lengkap dan disusun dengan teratur sebelum diserahkan kepada pihak politeknik **semasa hari serahan**.

Ikuti **Program Haluan Siswa** (Diploma dan Sijil Khas) mengikut tarikh yang ditetapkan.
Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan diadakan bermula **13 JANUARI 2025**

TAMAT

JENIS - JENIS YURAN

1 YURAN PENGAJIAN

RM200

PEMBAYARAN MELALUI JOMPAY



BILLER CODE (PIS) : 204024
Reference 1 : Nombor Kad Pengenalan Pelajar
Reference 2 : Nombor Telefon Pelajar

2 YURAN ASRAMA

LELAKI RM60

PEREMPUAN RM630

PEMBAYARAN MELALUI JOMPAY

Yuran Pengajian dan Asrama di bayar bersama ke JOMPAY



BILLER CODE (PIS) : 204024
Reference 1 : Nombor Kad Pengenalan Pelajar
Reference 2 : Nombor Telefon Pelajar

3 BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU

RM300

PEMBAYARAN KE AKAUN KOPERASI

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
(BIMB)

No Akaun : 01087010031499
Rujukan : No Kad Pengenalan Pelajar

4 MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

RM25

PEMBAYARAN KE AKAUN MSP PIS

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
(BIMB)

No Akaun : 04033010039553
Rujukan : No Kad Pengenalan Pelajar

JADUAL BAYARAN YURAN

YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA PELAJAR BAHARU
SESI II:2024/2025

YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1.	YURAN PENGAJIAN	RM 200.00	<p>Langkah 1 : Log Masuk ke Perbankan Dalam Talian (Internet Banking) atau Mobile Banking</p> 
2.	YURAN ASRAMA	RM 60.00 (PELAJAR LELAKI) RM 630.00 (PELAJAR PEREMPUAN)	<p>Langkah 2: Pilih menu JomPAY (mengikut paparan Internet Banking pilihan pelajar)</p> <p>Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:</p> <div style="display: flex; align-items: center;"><div style="margin-left: 10px;"><p>BILLER CODE (PIS) : 204024 Reference 1 : Nombor Kad Pengenalan Pelajar Reference 2 : Nombor Telefon Pelajar</p></div></div> <p>BILLER CODE bagi setiap politeknik adalah BERBEZA. Pelajar yang tersilap memasukkan biller code semasa membuat transaksi SEGERA memaklumkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar PIS dan tidak perlu membuat bayaran semula.</p> <p>Langkah 4: Masukkan jumlah bayaran yuran pengajian RM200 / RM260 / RM830</p> <p>Langkah 5: Semak semua maklumat sebelum mengesahkan (confirm) bayaran</p>

JADUAL BAYARAN YURAN

YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA PELAJAR BAHARU
SESI II:2024/2025

KAEDAH BAYARAN YURAN

KAEDAH BAYARAN

Langkah 5: Semak semua maklumat sebelum mengesahkan (confirm) bayaran

Langkah 6: Unique JomPAY Reference Number akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

Berikut adalah **contoh penggunaan JomPAY** menggunakan beberapa perbankan atas talian pilihan pelajar:

JENIS PERBANKAN	KAEDAH BAYARAN
<p>MAYBANK https://www.maybank2u.com.my/</p>	<ol style="list-style-type: none">Pilih "PAY&TRANSFER"Pilih "Pay To JomPAY"Masukkan Biller Code 204024Tekan EnterMasukkanRef 1: No IC pelajarRef 2: No tel pelajarPay Amount: 200 / 260 / 830Tekan "PAY"Selesai & Print Bukti Pembayaran
<p>BANK ISLAM (BIMB) https://www.bankislam.biz/</p>	<ol style="list-style-type: none">Pilih "Payments / Services"Pilih "JomPAY"Pilih "Payment (JomPAY)"Pilih akaun PembayaranMasukkan Amaun PembayaranMasukkan Biller Code 204024MasukkanRef 1: No IC pelajarRef 2: No tel pelajarTekan "Validate"Selesai & Print Bukti Pembayaran

JADUAL BAYARAN YURAN

BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
3.	BAYARAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU	RM 300.00	<p>TRANSFER ONLINE ke dalam akaun KOPERASI seperti maklumat berikut:</p> <p>BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) No Akaun : 01087010031499 Rujukan : No Kad Pengenalan Pelajar</p> <p>Resit pembayaran perlu dicetak dan diserahkan semasa hari pendaftaran dan bersama Borang BHEP 1-6</p>

NOTA PENTING !



1

Yuran Pengajian dan Asrama boleh dibayar mulai **02 DISEMBER 2025 hingga 05 JANUARI 2025** menggunakan kaedah pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual diatas.



2

Simpan, buat salinan dan bawa semua resit bayaran sebagai bukti dan rujukan pembayaran semasa **Hari Serahan Borang BHEP 1-6.**



3

PEMBAYARAN YURAN akan diproses **SELEPAS 3 HARI BEKERJA.**



4

PENDAFTARAN PELAJAR boleh dibuat **SECARA ONLINE** melalui <http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> bagi pelajar Diploma dan Sijil Khas.



5

Bayaran Pendaftaran Pelajar Baharu TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN apabila pelajar membuat permohonan **BERHENTI PENGAJIAN.**

MAKLUMAT HARI PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

Pelajar Baharu akan membuat **pendaftaran Kolej Kediaman SECARA BERSEMUKA** seperti maklumat berikut:

TARIKH : **05 JANUARI 2025 (AHAD)**
MASA : **8.30am – 12.30pm**
TEMPAT : **DI BLOK KOLEJ KEDIAMAN MASING-MASING**

SENARAI SEMAK SEMASA HARI PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

1

Slip Pendaftaran (dicetak di portal SPMP)

(Pastikan di dalam slip pendaftaran terdapat Blok Kolej Kediaman dan No Bilik)

MAKLUMAT TAMBAHAN !



- 1 Pelajar dibenarkan memakai pakaian **SMART CASUAL** yang menutup aurat semasa pendaftaran Kolej Kediaman.
- 2 No bilik di Kolej Kediaman yang telah dijana melalui SPMP adalah **MUKTAMAD**.
- 3 Ibu/ Bapa / Penjaga dibenarkan untuk membantu pelajar membawa barang ke bilik masing-masing.
- 4 Pelajar, ibu – bapa atau penjaga **TIDAK DIBENARKAN** mengubah kedudukan almari, meja dan katil yang terdapat di dalam bilik kediaman.
- 5 Ibu – bapa atau Penjaga dibenarkan membawa keluar pelajar pada hari tersebut **sehingga 5.00pm sahaja**.
- 6 **PROGRAM HALUAN SISWA (PHS)** akan bermula pada **05 Januari 2025 bermula pada pukul 8.00 malam**.

KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL (KOLEJ KEDIAMAN)

Semua pelajar baharu (lelaki dan perempuan) adalah **DIWAJIBKAN** untuk menduduki Kolej Kediaman Pelajar tanpa perlu membuat permohonan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga kemudahan yang diberikan dengan baik dan mengikuti semua peraturan dan rupadiri yang ditetapkan untuk pelajar.

BLOK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR LELAKI (KAPASITI 1260 ORANG)

- **Hi Tech 1 (HT1)**
- **Hi Tech 2 (HT2)**
- **Hi Tech 3 (HT3)**
- **Info Tech 1 (IF1)**
- **Info Tech 2 (IF2)**



BLOK KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR PEREMPUAN (KAPASITI 1000 ORANG)



- **Hi-10**

KEMUDAHAN DI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

- i. **2 buah kafeteria** disediakan untuk pelajar membeli makanan dan minuman. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pelajar sendiri.
- ii. **Mini koop** juga terdapat di kawasan kolej kediaman pelajar untuk pelajar membeli keperluan asas.
- iii. Setiap bilik disediakan **katil, tilam, almari baju dan meja belajar**. Peralatan tambahan lain, perlu dibawa sendiri oleh pelajar.

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

1. Menjaga kebersihan bilik sepanjang masa dan ketika. Sentiasa bebas dari sampah sarap.
2. Tidak menconteng dinding, tilam dan dinding tilam.
3. Tiada tampalan-tampalan yang merosakkan dinding bilik.
4. Menjaga kebersihan kipas angin, tingkap, laci, meja tulis dan kaki lima.
5. Tidak menyimpan, memiliki dan menghisap rokok di dalam bangunan Kolej Kediaman Pelajar. Tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar serta merta akan dikenakan terhadap pelajar yang didapati bersalah.
6. Tidak membenarkan orang asing/pelawat menginap di dalam bilik Kolej Kediaman Pelajar pada setiap masa dan pesalah boleh diambil tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar jika melakukan kesalahan tersebut.
7. Tidak membawa peralatan elektrik (kecuali komputer dan lampu study) dan tidak masak di dalam bilik.
8. Mesti menghormati waktu senyap Kolej Kediaman Pelajar iaitu mulai 8.30 malam hingga 8.00 pagi.
9. Dilarang mengubah atau mengalih sebarang peralatan di dalam bilik. Contoh seperti katil, tilam, bantal, meja tulis dan kerusi, jangan dikeluarkan dari bilik anda.
10. Semua penghuni Kolej Kediaman Pelajar dikehendaki masuk ke kampus sebelum jam 7.00 malam dan tidak dibenarkan keluar kampus pada waktu tersebut.
11. Semua pelajar mesti berada di blok Kolej Kediaman Pelajar masing-masing pada jam 11.00 malam.
12. Memadamkan lampu bilik selepas jam 12.00 tengah malam dan gunakan lampu 'study' selepas waktu itu atau belajar di Bilik Rekreasi blok masing-masing.
13. Tilam hendaklah sentiasa kelihatan kemas dan bersarungkan cadar yang bersih.
14. Lampu bilik tidak bersalut kertas warna.
15. Tidak menyidai sebarang pakaian di 'railing', di tingkap bilik, di kipas angin siling pada setiap masa dan ketika. Pakaian hendaklah sentiasa digantung dalam almari dengan kemas.
- •
- •
- •
- •
- •

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

16. Tidak menyidai sebarang pakaian di 'railing', di tingkap bilik, di kipas angin siling pada setiap masa dan ketika. Pakaian hendaklah sentiasa digantung dalam almari dengan kemas.
17. Sentiasa bersedia dan memberikan kerjasama untuk didatangi oleh staf atau warden bagi tujuan 'spot check' dari masa ke semasa.
18. Kunci hendaklah dijaga dengan baik dan dikembalikan pada penghujung semester dalam keadaan baik dan bertag.
19. Semua warga Kolej Kediaman Pelajar dilarang menyimpan bahan-bahan lucu seperti gambar, buku, majalah, CD dsb.
20. Pemakaian seluar pendek adalah tidak dibenarkan sama sekali pada bila-bila masa bagi pelajar lelaki dan perempuan.
21. Pemakaian 'jeans' dan pakaian yang mencolok mata adalah dilarang sama sekali bukan sahaja di Kolej Kediaman Pelajar tetapi di seluruh kawasan kampus PIS.
22. Pertemuan antara dua jantina yang berlainan (berdua-duaan) adalah dilarang pada setiap masa.
23. Tidak dibenarkan membawa atau meletakkan kenderaan bermotor di Kolej Kediaman Pelajar dan persekitarannya.
24. Dilarang meninggalkan Kolej Kediaman Pelajar atau bermalam di luar Kolej Kediaman Pelajar tanpa kebenaran.
25. Dilarang sepenuhnya meninggalkan Kolej Kediaman Pelajar ketika 'grounded'.
26. Dilarang mengambil barang yang bukan hak dan merosakkan apa ju kemudahan yang diberikan.

Dilarang melanggar peraturan Kolej Kediaman Pelajar pada setiap masa dan tindakan akan diambil bagi pelajar yang didapati bersalah, termasuk tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar.

MAKLUMAT HARI SERAHAN BORANG HAL EHWAL PELAJAR (BHEP1-6)



HARI SERAHAN BORANG (BHEP 1- 6)

Pelajar dikehendaki hadir pada hari dan waktu yang telah ditetapkan. Sekiranya pelajar gagal untuk menghadirkan diri pada waktu yang telah ditetapkan kerana sebab yang tertentu, pelajar diminta menghubungi pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PIS dengan segera.

Pelajar Baharu akan membuat **serahan borang BHEP 1 - 6** seperti maklumat berikut:

Tarikh : 06 JANUARI 2025 (ISNIN)
Masa : 8.30am - 12.30pm
Tempat : Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil (DTLJA) Politeknik Ibrahim Sultan.

LINK TELEGRAM : <https://t.me/+U8UleyrrMihhYjJ>

SENARAI BORANG (BHEP 1- 6)



- **BHEP 1 - Borang Maklumat Peribadi Pelajar**
- **BHEP 2 - Laporan Pemeriksaan Kesihatan**
- **BHEP 3 - Perakuan Perlepasan Tanggungjawab**
- **BHEP 4 - Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga untuk rawatan pembedahan**
- **BHEP 5 - Aku Janji Pelajar**
- **BHEP 6 - Borang Pengesahan Pendapatan**



MAKLUMAT PROGRAM HALUAN SISWA (PHS)

PROGRAM HALUAN SISWA

Pelajar baharu bagi Program Diploma dan Sijil Khas wajib untuk menghadiri dan menyertai Program Haluan Siswa selama 5 hari di Politeknik Ibrahim Sultan. Program ini bertujuan untuk memberi pengenalan dan pendedahan berkaitan pembelajaran dan pengajian sepanjang berada di Politeknik Ibrahim Sultan.

Pelajar Baharu DIWAJIBKAN untuk menyertai Program Haluan Siswa (PHS) seperti maklumat berikut:

TARIKH : 05 SEHINGGA 9 JANUARI 2025 (AHAD - KHAMIS)
MASA : 8.30AM – 11.00PM
TEMPAT : POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Tentatif Program Haluan Siswa (PHS) akan diberikan semasa hari pendaftaran Kolej Kediaman 05 JANUARI 2024.

NOTA PENTING !



PROGRAM HALUAN SISWA (PHS) akan bermula pada 05 Januari 2025 bermula pada pukul 8.00 malam.



Pelajar DIWAJIBKAN untuk mematuhi peraturan dan masa yang telah ditetapkan sepanjang Program PHS berlangsung.

SAHSIAH DAN RUPA DIRI

i. Rupa Diri Pelajar Semasa Hari Serahan Borang (BHEP 1 - 6) —

ii. Rupa Diri Pelajar Sepanjang Minggu Haluan Siswa

LELAKI	
JENIS PEMAKAIAN	KETERANGAN
Baju / Tali Leher	<ul style="list-style-type: none">Baju PUTIH berkollarBerkemeja lengan panjang kosong tanpa corak
Seluar/Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none">Berseluar panjang HITAM - jeans dan denim tidak dibenarkan
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Kasut HITAM bertutup penuh
Rambut	<ul style="list-style-type: none">Pendek, kemas dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyenBelakang tidak menyentuh paras kolar baju, paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga dan paras depan tidak me menyentuh paras dahi
Perhiasan	<ul style="list-style-type: none">Sebarang aksesori seperti rantai, gelang, anting-anting dan lain-lain tidak dibenarkan.

PEREMPUAN	
JENIS PEMAKAIAN	KETERANGAN
Baju	<ul style="list-style-type: none">Baju kurung PUTIH dan sopan
Kain / Seluar	<ul style="list-style-type: none">Kain / skirt labuh / seluar panjang HITAM
Tudung	<ul style="list-style-type: none">Bertudung HITAM (pelajar Islam)
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Pelajar Islam wajib memakai tudung seperti yang disyariatkan dalam Islam
Rambut	<ul style="list-style-type: none">Kasut hitam dan bertutup penuhMemakai stoking
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none">Tidak di galakkan memakai barang kemas.Solekan yang berlebihan adalah dilarang

SAHSIAH DAN RUPA DIRI

iii. Rupa Diri Pelajar Sepanjang Pengajian

Secara umumnya pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat, bersopan dan pakaian tidak mencolok mata.

SE PANJANG TEMPOH PENG AJIAN

PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
BAJU/PAKAIAN	
<ul style="list-style-type: none">1. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.2. Baju-T tidak berkolar adalah dilarang. Baju T jenis berkolar yang dibenarkan mestilah tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.3. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).4. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.5. Pemakaian Baju Melayu @Baju Kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta samping dan songkok hitam.	<ul style="list-style-type: none">1. Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.2. Pakaian hendaklah berlengan panjang sehingga ke pergelangan tangan.3. Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.4. Pelajar bukan Islam dilarang memakai 'skirt' yang lebih pendek dari paras lutut.
SELUAR	
<ul style="list-style-type: none">1. Seluar 'slack' panjang.2. Seluar 'JEANS' TIDAK dibenarkan.3. Seluar dengan 'poket yang banyak' dan bertampal-tampal tidak dibenarkan.	<ul style="list-style-type: none">1. Seluar 'slack' panjang.2. Seluar 'JEANS' TIDAK dibenarkan.3. Seluar dengan 'poket yang banyak' dan bertampal-tampal tidak dibenarkan.4. Jika memakai Sarung/'Maxi' hendaklah labuh, longgar, tidak jarang & tidak ketat.

SAHSIAH DAN RUPA DIRI

iii. Rupa Diri Pelajar Sepanjang Pengajian

SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN

KASUT	
1. Hendaklah sesuai untuk ke kuliah dan sempurna berstoking. 2. Kasut sukan dibenarkan. 3. Selipar, terompah, capal, kasut ‘platform’ dan seumpamanya tidak dibenarkan. 4. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang. 5. Kasut mestilah menutup jari kaki dan tumit.	
PERHIASAN	
1. Sebarang bentuk perhiasan adalah dilarang melainkan cincin. Cincin emas adalah dilarang. 2. Hanya sebentuk cincin sahaja dibenarkan.	1. Tidak digalakkan memakai barang kemas. 2. Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan dilarang. 3. Hanya sebentuk cincin sahaja dibenarkan

SAHSIAH DAN RUPA DIRI

CONTOH ETIKA PEMAKAIAN SEPANJANG PENGAJIAN



►►► Gambarajah 1 : Contoh Etika Pemakaian Yang Dibenarkan Sepanjang Sesi Pengajian bagi Pelajar Lelaki



Gambarajah 2 : Contoh Gaya Potongan Rambut Pelajar Lelaki Yang Dibenarkan.



Gambarajah 3: Contoh Etika Pemakaian Yang Dibenarkan Sepanjang Sesi Pengajian bagi Pelajar Perempuan.

PERATURAN DI SEKITAR KAMPUS

KENDERAAN PELAJAR

- a. Pelajar asrama dan pelajar yang tinggal di luar asrama dibenarkan membawa kenderaan bermotor.
- b. Pelajar hendaklah mendaftarkan kenderaan masing-masing dengan membeli **PAS KENDERAAN** (dibawa bersama lesen memandu dan cukai jalan/insuran lesen yang sah) di **Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan**.
- c. Kenderaan wajib diletakkan **di tempat parking yang telah di khaskan kepada PELAJAR** sahaja.
- d. Mohon untuk **Rujuk Papan Tanda** dan **Arahan Pengawal Keselamatan**.

KAWASAN LARANGAN MEROKOK

Kampus **POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN** merupakan **KAWASAN LARANGAN MEROKOK**. Pelajar boleh dikenakan tindakan disiplin sekiranya ditangkap merokok di mana-mana kawasan di dalam kampus.

-
-
-
-
-

BANTUAN KEWANGAN

Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) **TIDAK MENYEDIAKAN** pembiayaan atau elauan khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Biasiswa / Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini. Pembiayaan pendidikan pelajar yang terbesar di PIS adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** bagi pelajar peringkat Diploma dan Sarjana Muda manakala bagi peringkat Sijil Khas (Program Pendidikan Ekslusif Pelajar Orang Kurang Upaya) pula mendapat **Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas (PPK)**.

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) —

Pihak PTPTN telah mengeluarkan prosedur baharu berkenaan pelaksanaan permohonan pinjaman PTPTN melalui aplikasi web myPTPTN. Perkhidmatan permohonan pinjaman telah dilaksanakan sepenuhnya di **aplikasi web myPTPTN** (<https://myptptn.ptptn.gov.my>) bermula **10 Januari 2024**.

Semua pelajar yang hendak membuat permohonan, **DIWAJIBKAN** memuat turun aplikasi myPTPTN di dalam telefon masing-masing. Hebahan berkenaan prosedur baharu PTPTN boleh merujuk **Info Permohonan PTPTN 2025**.

SYARAT LAYAK MEMOHON PTPTN :

- i. Pemohon adalah warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- iii. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iv. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- v. Tiada penaja lain; dan
- vi. Mempunyai akaun SSPN-i dan akaun Bank Islam sebelum membuat permohonan.

BANTUAN KEWANGAN

BANTUAN KEWANGAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS (PPK) —

Bantuan ini diberikan kepada pelajar peringkat **Sijil Khas Politeknik (Ketidakupayaan Pendengaran)** sepanjang mengikuti pengajian di PIS.

Permohonan akan dibuat oleh pihak PIS, pelajar hanya perlu menyediakan dokumen seperti dinyatakan di bawah.

DOKUMEN YANG PERLU DI SEDIAKAN:

Pelajar diminta untuk menyediakan **2 SALINAN DOKUMEN BERSAIZ A4** seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan pelajar
- ii. Salinan Akaun Bank Islam pelajar (Bank Islam Malaysia Berhad)
- iii. Salinan Keputusan SPM (Jika ada) / Sijil Tamat Belajar Tingkatan 5
- iv. Salinan Sijil PMR (Jika ada)
- v. Surat Tawaran Pengajian di Politeknik
- vi. Salinan Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Kesemua salinan ini **perlu diserahkan kepada Penasihat Akademik masing-masing selepas hari pendaftaran.**

MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU

MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU



3.1 PENDAFTARAN ONLINE MENGGUNAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP)

a. Taipkan atau klik URL di bawah pada pelayar web:
<http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> (Diploma dan Sijil Khas)

b. Masukkan No. Kad Pengenalan dan klik butang "Teruskan"




c. Panduan untuk langkah seterusnya dipaparkan.

i. Paparan skrin sekiranya pelajar BELUM membuat bayaran yuran



ii. Paparan skrin sekiranya pelajar SUDAH membuat bayaran yuran



d. Untuk membuat pendaftaran online, klik pada butang Teruskan Untuk Pendaftaran.

e. Seterusnya, skrin maklumat pendaftaran online dipaparkan.



f. Klik pada butang Cetak Slip untuk mencetak Slip Pendaftaran Online

g. Slip Pendaftaran Online dipaparkan dan buat salinan.



Politeknik Ibrahim Sultan
KM 10,
Jalan Kong Kong
81700 Pasir Gudang
Johor Darul Takzim

Telefon : 07-261 2488
Fax : 07-261 2402
Web : <http://www.pis.edu.my>



Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)

Maklumat Pendaftaran

Nama	: MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM		
No Kp	: 990621065807	No Pendaftaran	: 09DJK17F1039
Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)		
Kelas	: DJK1B	Jabatan	: JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Tarikh Lapordiri	: 04 JUN 2017	Masa lapordiri	: 8:30 Pagi
Sesi Mula	: JUN 2017	Sesi Tamat	: DISEMBER 2019

Arahan Semasa Melapor Diri

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

-----Potong Disini-----

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan

Nama	: MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM		
No Kp	: 990621065807	No Pendaftaran	: 09DJK17F1039
Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)		
Kelas	: DJK1B		

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Ibrahim Sultan

Peralatan dari Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan yang telah di ambil oleh pelajar.

- POLYTECHNIC MSK T-SHIRT
- T-SHIRT Yes POLY
- POLYTECHNIC JAKET/ BLAZER
- POLYTECHNIC CORPORATE SHIRT
- POLYTECHNIC TEST PAD
- POLYTECHNIC BAG
- BALL PEN

h. Sekiranya pelajar hendak mencetak semula slip pendaftaran online, klik pada Semak Semula dan Cetak Slip

The screenshot shows the SIMS homepage with a purple header and a white main content area. The main content area has a title 'Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Ibrahim Sultan'. Below this, there is a box containing steps for registration:

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	Action Buttons
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Anda telah pun mendaftar sila cetak slip pengesahan pendaftaran dalam talian sahaja jika anda belum berbuat demikian	Semak Semula dan Cetak Slip

At the bottom of the content area, there is a footer with contact information and a copyright notice.

i. Proses pendaftaran online pelajar telah berjaya. Sekiranya calon menghadapi masalah untuk pendaftaran, sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian hotline **013-9991474 atau e-mel ke **pisjhep17@gmail.com****

NOTA PENTING !



PEMBAYARAN YURAN AKAN DI PROSES SELEPAS 3 HARI BEKERJA.



PELAJAR BOLEH MEMBUAT PENDAFTARAN SECARA ONLINE MELALUI SPMP SELEPAS PROSES PEMBAYARAN YURAN SELESAI.

LAMPIRAN

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

NAME:

PROGRAM :

NO. PENDAFTARAN:

JABATAN:

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

